



Nunez diasak pertahanan Salzburg dalam aksi persahabatan di Red Bull Arena pada awal pagi Khamis.

Liverpool tak panik!

Liverpool tampil beraksi di bawah kemampuan sebenar ketika tewas 0-1 kepada RB Salzburg dalam perlawanan persahabatan di Red Bull Arena, Austria pada awal pagi Khamis.

Pengendali Liverpool, Jurgen Klopp menurunkan barisan kedua sebagai kesebelasan utama yang menyaksikan penyerang baharu, Darwin Nunez gagal menemui sentuhan jaringan.

Bagi Klopp, ia bukan sesuatu yang merisaukannya kerana dia percaya sesi latihan padat sepanjang kem pramusim kali ini akan membuahkan hasil dalam tempoh dua minggu lagi.

Malah, dalam sidang akhbar selepas perlawanan, Klopp turut ditanya berkenaan prestasi Nunez dan seorang lagi muka baharu, Fabio Carvalho.

“Malam ini kami tidak bermain baik pada babak pertama tetapi jika ada sesuatu yang menarik ialah berkenaan Darwin. Dalam setengah jam terakhir, dia sering berada dalam kotak penalti lawan bersama bola.

“Fabio pula pemain yang menakutkan, seperti ditunjukkan malam ini, tetapi ia boleh menjadi lebih baik. Tetapi tidak adil untuk menilai Fabio dan Nunez buat masa sekarang.

“Mereka keletihan dan kita sering bertanya ‘baguskah mereka?’ Ia bukan diri sebenar mereka. Kami mahu bersedia Sabtu ini (menentang Manchester City dalam Perisai Komuniti),” katanya.

Liverpool kini dalam persiapan terakhir menjelang pertarungan Perisai Komuniti menentang City di Stadium King

Power pada Ahad ini.

Sebelum turun berdepan Salzburg, Liverpool meraih kemenangan besar 5-0 ke atas RB Leipzig yang menyaksikan Nunez menyumbat empat gol.

“City juga dalam situasi sama seperti kami. Berbeza dengan Salzburg, mereka sudah mengharungi dua perlawanan (musim baharu), jadi ia bukan persaingan yang setanding.

“Dalam dua minggu lagi, kami juga akan tampil berbeza. Buat masa ini, semuanya berjalan seperti dirancang dan kami sudah bersedia mengharungi musim baharu nanti,” jelas Klopp.